



NAIB PENGURUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN IPOH TIMUR  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Emel : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

**29 November 2019**

**KENYATAAN MEDIA YB TUAN WONG KAH WOH**

**NAIB PENGURUSI PAC PARLIMEN**

**MERANGKAP AHLI PARLIMEN IPOH TIMUR**

**MENGENAI LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PEMBANGUNAN**

***AIR MOBILITY***

- 1) Saya merujuk kepada kenyataan Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) mengenai Laporan PAC berhubung pembangunan *Air Mobility* yang dilaporkan media semalam susulan daripada pembentangan laporan Jawatankuasa ini di Dewan Rakyat, dan mendapati fakta yang diberikan MED dalam kenyataan media, adalah tidak tepat berbanding dengan dokumen serta bukti yang ada di PAC Parlimen sepanjang prosiding pembangunan *Air Mobility* diadakan selama empat bulan bermula Mei 2019 sehingga September 2019.
  
- 2) Dalam kenyataan media MED menyatakan bahawa peruntukan dana sebanyak RM20 juta adalah dana yang disediakan MIGHT iaitu anak syarikat Jabatan Perdana Menteri untuk Projek Kereta Nasional Baru (NNCP) dengan syarikat bernama DreamEdge adalah satu fakta yang tidak tepat dan mengelirukan.

- 3) Isu RM20 juta pelaburan yang disebut dan dibincangkan dalam Laporan PAC Parlimen jelas tidak merujuk kepada peruntukan dana sebanyak RM20 juta untuk NNCP, tetapi adalah berkenaan dengan pelaburan VentureTech Sdn Bhd (VTSB), sebuah syarikat pelaburan strategik MIGHT kepada Aerodyne Venture Sdn Bhd (AVSB).
- 4) PAC Parlimen telah memperoleh minit mesyuarat syarikat VentureTech Sdn Bhd (VTSB) yang meluluskan dana berjumlah RM20 juta kepada Aerodyne Venture Sdn Bhd (AVSB) bertarikh 2 Mei 2019 dan dokumen tersebut ada dilampirkan dalam Laporan PAC Parlimen.
- 5) Malah, Laporan PAC Parlimen mengambil maklum keterangan Menteri MED bahawa pembangunan *Air Mobility* tidak menggunakan dana Kerajaan. Bagaimanapun, PAC Parlimen mahu Jabatan Audit Negara (JAN) melakukan pengauditan terhadap penyaluran dana berjumlah RM20 juta itu seperti yang sudah diputuskan oleh Lembaga Pengarah AVSB untuk memastikan dana tersebut digunakan untuk tujuan yang ditetapkan dalam kelulusan pelaburan.
- 6) Dalam kenyataan semalam, MED sebaliknya menyatakan bahawa tiada keperluan untuk menjalankan audit kewangan dan harta intelek ke atas syarikat Aerodyne Group kerana ia bukan merupakan perolehan Kerajaan. PAC Parlimen tidak bersetuju dengan pendirian ini dan menegaskan pengauditan adalah untuk dilaksanakan terhadap pelaburan berjumlah RM20 juta yang disalurkan VTSB kepada AVSB, dan bukannya terhadap syarikat AVSB yang bukan merupakan pihak yang ditumpu untuk siasatan dalam prosiding ini.

- 7) PAC Parlimen dengan ini menasihati supaya semua pihak menghormati institusi PAC Parlimen dan tanggungjawab PAC dalam menjalankan tugas.
- 8) Sebagai tindakan susulan, PAC Parlimen menasihati supaya Ketua Setiausaha (KSU) MED selaku Pegawai Pengawal Kementerian untuk menyediakan maklum balas yang lengkap untuk dibentangkan kepada PAC Parlimen.

Sekian, terima kasih

Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh  
Naib Pengurus Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)  
Parlimen Malaysia